

**Fasal-Fasal Tanah dalam Undang-Undang Adat Negeri Kedah:  
Bukti Aspek Ekonomi Melayu Tradisional yang Bersistem**

***Land Clauses in Undang-Undang Adat Negeri Kedah: A Proof of  
Systematic Malay's Traditional Economy Aspect***

SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

E-mail: snhafizah@usm.my

**Published online:** 30 October 2024

**To cite this article:** Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2024. Fasal-fasal tanah dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah*: Bukti aspek ekonomi Melayu tradisional yang bersistem. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 31(2): 193–217. <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.2.10>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/kajh2024.31.2.10>

**Abstract:** *This article discusses land clauses related to Undang-Undang Adat Negeri Kedah as evidence of the traditional Malay economy having its own system before colonisation. The clauses concerning land in traditional Malay legal texts have undoubtedly been discussed in previous writings. However, discussions about land clauses in these previous writings were solely aimed at arguing the existence of a systematic land legal system within the Malay community before British administration. The land clauses were also selectively discussed in previous writings and the objectives behind each enacted clause were not detailed enough to prove the existence of systematic economic practices among the Malay community. This raises a question as to whether other clauses related to the land aspect are not important and whether the clauses related to the land will ensure the Malay agricultural economy could run smoothly? Thus, this research aims to examine each clause related to land in Undang-Undang Adat Negeri Kedah to prove the existence of a systematic economy among the Malay. In brief, this writing found that the existence of special clauses regarding Undang-Undang Adat Negeri Kedah proves that the Malay land legal system was enacted to ensure economic activities run smoothly without disagreements on land and crops. This article uses a historical method, specifically text analysis on Undang-Undang Adat Negeri Kedah, as the main primary source.*

**Keywords and phrases:** *Undang-Undang Adat Negeri Kedah, land legal system, land clauses, systematic economic, agricultural economy*

**Abstrak:** Makalah ini membincangkan fasal-fasal berkaitan tanah yang terdapat dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah Abad Ke-19* bagi membuktikan bahawa aspek ekonomi Melayu tradisional sebelum pentadbiran kolonial telah pun mempunyai sistem yang tersendiri. Tidak dinafikan bahawa fasal-fasal berkaitan tanah dalam teks-teks perundangan Melayu tradisional telah disentuh dalam penulisan lepas namun perbincangan dalam penulisan lepas tersebut hanyalah bertujuan menghujahkan wujudnya sistem perundangan tanah yang teratur dalam kalangan masyarakat Melayu sebelum pentadbiran British. Fasal-fasal tanah disentuh secara terpilih dalam penulisan lepas serta matlamat dan tujuan setiap fasal ini digubal tidak dibincangkan dengan terperinci bagi memberi gambaran wujudnya amalan ekonomi bersistem dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini menimbulkan persoalan “Apakah fasal-fasal lain berkaitan tanah tidak penting?” dan “Bagaimanakah fasal yang ada ini dapat memastikan ekonomi masyarakat Melayu iaitu kegiatan pertanian boleh berjalan dengan lancar?” Maka, kajian ini bertujuan untuk memperincikan setiap fasal berkaitan tanah yang ada dalam teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* bagi membuktikan wujudnya amalan ekonomi bersistem dalam kalangan masyarakat Melayu. Ringkasnya, makalah ini mendapati bahawa fasal-fasal khusus berkaitan tanah dalam teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* digubal sedemikian rupa bagi memastikan kegiatan ekonomi dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang pertelingkahan berkaitan tanah dan hasil tanaman. Penulisan makalah ini menggunakan kaedah sejarah iaitu kaedah analisis teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* yang dijadikan sumber primer penting dan utama.

**Kata kunci dan frasa:** *Undang-Undang Adat Negeri Kedah*, sistem perundangan tanah, fasal-fasal berkaitan tanah, ekonomi bersistem, ekonomi berasaskan pertanian

## Pengenalan

Aspek tanah mempunyai tempat yang khusus dalam teks-teks perundangan Melayu tradisional. *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* (versi J. Rigby) dan *Undang-Undang Minangkabau* (versi Maxwell) di Perak, *Undang-Undang Adat Negeri Kedah Abad Ke-19* (milik Ku Din Ku Meh) (selepas ini disebut *Undang-Undang Adat Negeri Kedah*) di Kedah serta *Majalah Ahkam Johor*, *Kod Undang-Undang Sivil Islam Kerajaan Negeri Johor* (selepas ini disebut *Majalah Ahkam Johor*) umpamanya mempunyai fasal-fasal khusus tertentu berkaitan tanah. Bahkan, antara fasal yang dibincangkan secara panjang lebar dalam undang-undang Melayu ialah fasal berkaitan tanah. Misalnya, teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* yang menjadi fokus perbincangan penulisan ini mempunyai lapan fasal berkaitan tanah daripada jumlah keseluruhan 40 fasal. Bagi fasal berkaitan tanah, Fasal 18 (Fasal tanah isi negeri)<sup>1</sup> merupakan fasal terpanjang perbincangannya iaitu terdiri daripada sembilan halaman (rujuk Jelani et al. 2021). Fasal-fasal tanah yang ada dalam teks perundangan ini menonjolkan kepentingan tanah dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini kerana tanah merupakan aspek yang amat berkait dengan aktiviti ekonomi utama mereka iaitu pertanian. Justeru, dengan merujuk kepada teks *Undang-Undang Adat Negeri*

*Kedah* sebagai teks utama, penulisan ini akan memperincikan setiap fasal berkaitan tanah yang ada dalam teks tersebut bagi membuktikan bahawa masyarakat Melayu telah pun mempunyai sistem atau tatacara tersendiri dalam memastikan kegiatan ekonomi mereka iaitu aktiviti pertanian berjalan lancar dengan sebarang pertikaian dapat diminimumkan.

### **Kajian Lepas Berkaitan Tanah Menggunakan Teks-Teks Perundangan Melayu Tradisional**

Teks-teks perundangan Melayu tradisional merupakan antara sumber rujukan penting dalam membincangkan segala aspek kehidupan masyarakat Melayu sebelum pentadbiran British termasuklah hal ehwal tanah. Sarjana kolonial sendiri seperti Maxwell (1884) serta ramai dalam kalangan sarjana lain seperti Hooker (1972), Wong (1975), Lim (1976), Mahani (2005) dan Azman (2013) misalnya, telah merujuk kepada teks perundangan Melayu dalam membincangkan aspek tanah masyarakat Melayu sebelum pentadbiran British. Sarjana-sarjana ini berhujah bahawa satu perundangan atau tatacara khusus yang berkaitan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat Melayu wujud sebelum pentadbiran kolonial British berdasarkan kewujudan fasal-fasal khusus berkaitan tanah dalam teks tersebut. Misalnya, Hooker (1972) merujuk teks undang-undang Melayu bagi menggambarkan tentang kewujudan perundangan berkaitan pemilikan tanah di Malaysia Barat sebelum campur tangan British. Namun begitu, perbincangan beliau berkaitan fasal-fasal tanah berkisar kepada aspek sosial dan politik. Sebagai contoh, beliau memfokuskan perbincangannya kepada struktur perundangan undang-undang adat Melayu berkaitan tanah serta masalah dalam tradisi lisan yang diamalkan masyarakat Melayu berkaitan aspek tersebut. Selain itu, beliau turut menyentuh hubungan antara adat dan perundangan Islam berkaitan tanah dengan pihak berkuasa Melayu tradisional. Beliau tidak mengaitkan kepentingan fasal berkaitan tanah ini dengan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu.

Wong (1975) pula menghujahkan bahawa menjelang pentadbiran British di Tanah Melayu, perundangan tanah orang Melayu telah pun berkembang dengan baik serta teratur khususnya dalam aspek pertukaran hak pemilikan tanah dari satu pihak kepada pihak yang lain walaupun dilakukan secara lisan sahaja. Pandangan Wong (1975) menggambarkan proses pertukaran hak milik tanah berlaku dengan baik dan sebarang pertikaian kepada pertukaran hak milik tanah juga dapat dielakkan. Lim (1976) pula telah menyebut *Hukum Kanun Melaka* sebagai perundangan Melayu terawal yang mempunyai fasal khusus berkaitan hak milik tanah berdasarkan kewujudan Fasal 19. Menurutnya, hak milik atas tanah ditentukan berdasarkan kepada penggunaan tanah iaitu sekiranya tanah tersebut diusahakan. Bagi tanah yang tidak mempunyai tanda-tanda diusahakan, maka tanah itu dianggap tidak

mempunyai pemilik. Mahani (2005) juga bersetuju bahawa wujud perundangan Melayu berkaitan hak milik tanah di Kedah berdasarkan kepada Fasal 18 berkaitan tanah dalam *Undang-Undang Kedah*. Namun begitu, beliau hanya menyentuh Fasal 18 sahaja sedangkan terdapat banyak fasal-fasal lain dalam *Undang-Undang Kedah* yang merujuk secara khusus kepada tanah dan hal-hal lain berkaitan tanah seperti tatacara mengurus dan meneroka tanah. Azman (2013) juga dalam menghujahkan kewujudan perundangan tanah di Kedah<sup>2</sup> sejak separuh masa kedua kurun ke-17 turut merujuk kepada teks *Undang-Undang Kedah* bagi menyokong hujahnya. Tidak seperti penulisan lain, Azman (2013) telah menyentuh setiap fasal berkaitan tanah yang ada dalam *Undang-Undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh. Namun demikian, perbincangan Azman (2013) juga lebih menjurus kepada menghujahkan bahawa wujudnya satu sistem pentadbiran tanah yang teratur dan seragam di Kedah sejak sebelum campur tangan British. Campur tangan British hanya bertindak memperkemaskan pentadbiran tanah sedia ada di Kedah. Manakala, penulisan-penulisan yang lain pula tidak memperincikan atau membincangkan secara menyeluruh setiap fasal berkaitan tanah yang ada dalam teks undang-undang Melayu. Hal tersebut menonjolkan adanya lompong dalam penulisan-penulisan sedia ada yang merujuk kepada teks undang-undang Melayu dalam perbincangan berkaitan aspek tanah sebelum campur tangan British.


Justeru, penulisan ini akan memperincikan setiap fasal berkaitan tanah yang ada dengan memfokuskan kepada negeri Kedah. Teks undang-undang dirujuk adalah versi terbaharu *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* (milik Ku Din Ku Meh) yang diselenggara oleh Jelani et al. (2021). Versi teks *Undang-Undang Kedah* ini dianggap paling lengkap sejak kewujudannya pada era pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1626–1652). Hal ini kerana teks Undang-Undang Melayu, termasuk *Undang-Undang Kedah*, sentiasa berkembang dan mengalami tokok tambah seiring dengan peredaran masa. Perubahan dan penambahbaikan dilakukan dari semasa ke semasa supaya teks undang-undang tersebut sentiasa relevan dengan situasi semasa serta mampu untuk menangani setiap permasalahan baharu yang timbul dengan lebih berkesan. Teks *Undang-Undang Kedah* dipilih kerana kedudukan Kedah sebagai kawasan penanaman padi yang utama di Tanah Melayu dan turut berfungsi sebagai negeri pengeksporth padi.<sup>3</sup> Perkembangan kegiatan penanaman padi di Kedah dan kedudukannya sebagai negeri pengeksporth utama padi sudah tentu dipengaruhi oleh kewujudan perundangan hak pemilikan tanah yang menjadikan pengurusan serta pentadbiran tanah lebih teratur supaya aspek ekonomi pertanian negeri tersebut berjalan lancar. Hal ini juga bagi mengelakkan sebarang pertikaian berkaitan pemilikan tanah serta hasil tanaman dalam kalangan rakyat serta sekali gus membantu perkembangan pesat kegiatan penanaman padi. Maka, fasal-fasal berkaitan tanah telah disentuh secara panjang lebar dalam teks *Undang-Undang Kedah*.

### **Kerangka Teori Berkaitan Amalan Ekonomi yang Bersistem Berdasarkan Pandangan Sarjana**

Dalam menghujahkan wujudnya amalan ekonomi bersistem dalam kalangan masyarakat Melayu, adalah amat penting untuk membincangkan aspek atau elemen ekonomi masyarakat Melayu, sebelum campur tangan British, yang dianggap bersistem tersebut. Satu aspek berkaitan ekonomi bersistem ialah kesedaran tentang kepentingan tanah sebagai elemen penting pengeluaran atau ekonomi, khususnya bagi kegiatan pertanian. Jomo (1988) misalnya menghujahkan bahawa sebelum pentadbiran British lagi, sistem hak milik tanah telah pun mengalami perkembangan dan mengalami perubahan kerana terdedah kepada pengaruh luar iaitu berdasarkan hubungan luar negeri-negeri Melayu dengan negara jiran seperti Siam. Menurut Jomo (1988) juga, selain daripada elemen penting pengeluaran yang berasaskan kegiatan pertanian, tanah juga turut merupakan punca pendapatan negeri melalui kutipan sewa atau pelbagai bentuk cukai yang dikenakan. Kepentingan tanah sebagai elemen penting ekonomi ini ditonjolkan melalui peruntukan-peruntukan khas dalam teks undang-undang Melayu umumnya dan teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* khususnya.

Bagi Kuryshova dan Kuryshov (2019), ekonomi tradisional juga boleh dianggap sebagai satu sistem berbanding hanya dianggap sebagai tradisi berdasarkan kepada ciri-ciri dan strukturnya yang saling berhubungan. Misalnya, Kuryshova dan Kuryshov (2019) menyatakan terdapat empat ciri penting dalam aktiviti ekonomi tradisional. Ciri pertama ialah berlakunya interaksi antara manusia dengan persekitarannya dan matlamat utama aktiviti ekonomi adalah untuk memenuhi keperluan berbanding penggunaan barangan. Ciri kedua pula ialah kebergantungan amalan ekonomi tradisional secara langsung dengan keadaan semula jadi dan sesuai dengan persekitaran. Ciri ketiga pula merujuk kepada matlamat ekonomi tradisional yang lebih mementingkan kepentingan sosial namun tidak mengabaikan kepentingan individu manakala ciri keempat pula ialah ekonomi tradisional sebagai satu set tradisi ekologi (hubungan manusia dan persekitarannya) iaitu berlandaskan kepada anggapan rasional dan pemahaman kepada keperluan penggunaan sumber semula jadi. Secara ringkasnya, pandangan Kuryshova dan Kuryshov (2019) ini menekankan ciri atau elemen utama ekonomi yang bersistem ialah amalan aktiviti ekonomi yang menekankan kepentingan hubungan sosial selain daripada keadaan persekitaran iaitu kesedaran terhadap keadaan persekitaran sebagai aspek penting ekonomi. Maka, amalan ekonomi yang mementingkan hubungan sosial dan kesedaran kepentingan persekitaran merupakan bukti penting ekonomi bersistem telah diamalkan dalam sesebuah masyarakat. Bagi Mamedov et al. (2016), sistem ekonomi tradisional merupakan satu sistem ekonomi yang amalan ekonominya menggabungkan adat, tradisi dan kepercayaan sebagai prinsip asas pengeluaran

barangan serta perkhidmatan. Elemen asas yang diujahkan oleh Kuryshova dan Kuryshov (2019) dan Mamedov et al. (2016) turut dapat dilihat daripada peruntukan-peruntukan khas tanah yang berkaitan dengan aktiviti pertanian masyarakat Melayu Kedah sebelum menerima campur tangan British seperti terdapat dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah*. Justeru, perbincangan ini akan menggunakan kerangka teori ekonomi bersistem tradisional mengikut pandangan Kuryshova dan Kuryshov (2019) bagi membuktikan wujudnya amalan ekonomi bersistem dalam kalangan orang Melayu. Kerangka teori ekonomi bersistem tradisional mengikut pandangan Kuryshova dan Kuryshov (2019) ini adalah seperti dalam Rajah 1.



**Rajah 1.** Kerangka teori ekonomi bersistem  
*Sumber:* Disesuaikan daripada Kuryshova dan Kuryshov (2019)

### **Perundangan Tanah di Kedah Berdasarkan kepada Teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* sebagai Bukti Aspek Ekonomi Masyarakat Melayu Tradisional yang Bersistem**

Elemen-elemen bagi sesebuah amalan ekonomi yang bersistem seperti dinyatakan oleh sarjana ekonomi dalam perbincangan sebelum ini jelas kelihatan dalam fasal-fasal berkaitan tanah dalam teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah*.<sup>4</sup> Secara keseluruhannya, teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* terdiri daripada 40 fasal.<sup>5</sup> Fasal-fasal berkaitan tanah pula terdiri daripada lapan fasal kesemuanya. Setiap fasal berkaitan tanah ini menonjolkan bahawa masyarakat Melayu Kedah amat menyedari kepentingan tanah sebagai elemen penting pengeluaran kerana

amalan ekonomi utama rakyat Kedah yang tertumpu kepada kegiatan pertanian, iaitu penanaman padi. Maka, hal berkaitan tanah amat diberi perhatian dalam teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* bagi memastikan hak pemilikan tanah terjamin dan perebutan atau pertelingkahan berkaitan hasil tanaman tidak berlaku. Hal ini dapat dilihat dalam Fasal 18 iaitu fasal pertama berkaitan tanah yang dibincangkan secara panjang lebar dalam teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah*. Elemen berikutnya iaitu kepentingan hubungan sosial dalam aktiviti ekonomi juga digambarkan dalam fasal berkaitan tanah yang ada bagi memastikan setiap individu menjaga kepentingan individu lain apabila meneroka tanah seperti dalam fasal ke-21 dan fasal ke-22. Fasal ke-19 pula menyatakan bahawa setiap individu perlu menjaga haiwan ternakan masing-masing seperti kerbau dan lembu agar tidak merosakkan tanaman. Hal ini sudah tentu bertujuan untuk memastikan tanaman yang telah diusahakan tidak musnah dan hasil tanaman tidak terjejas. Fasal yang ada ini memberi gambaran bahawa setiap individu perlu sentiasa bertanggungjawab kepada haiwan ternakan masing-masing dan mengambil langkah sewajarnya dalam memastikan haiwan ternakan yang dipelihara tidak memberi kesulitan kepada pihak lain. Fasal-fasal penting berkaitan tanah yang terkandung dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* ini dipaparkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Antara fasal-fasal berkaitan tanah dalam teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah*

Fasal	Aspek berkaitan tanah	No. halaman
18	Menyatakan perintah tanah	85–93
19	Menyatakan perintah bendang dan perintah orang berbendang	94–100
20	Menyatakan perintah perselisihan orang berbendang	100–103
21	Menyatakan perintah orang berbuat huma	103–104
22	Menyatakan perintah orang berdusun	104–109
24	Perintah sewa dan pajak bendang kampung atau dusun orang	114–117
25	Menyatakan perintah orang berjual bendang atau kampung atau dusun	117–121

Sumber: Jelani et al. (2021, 85–121)

Fasal-fasal berkaitan tanah dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* tersebut akan diperincikan berdasarkan kepada kerangka teori ekonomi bersistem tradisional mengikut pandangan Kuryshova dan Kuryshov (2019) bagi menghujahkan bahawa wujudnya amalan ekonomi bersistem dalam kalangan masyarakat Melayu sebelum penjajahan.

## **Interaksi manusia dengan persekitaran untuk memenuhi keperluan**

### ***Fasal ke-18: Menyatakan perintah tanah***


Seperti yang telah dinyatakan, salah satu elemen yang membuktikan bahawa amalan ekonomi bersistem ialah wujudnya kesedaran masyarakat tentang kepentingan tanah sebagai faktor pengeluaran. Kepentingan tanah sebagai faktor pengeluaran ini dapat dilihat berdasarkan kepada interaksi manusia dengan persekitaran bagi memenuhi keperluan mereka. Justeru, antara perkara paling penting dalam memenuhi keperluan untuk hak guna tanah adalah dengan pengukuhan hak milik tanah melalui kewujudan perundangan khas. Misalnya, fasal ke-18 (Menyatakan perintah tanah) dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* telah menggariskan aspek hak milik tanah dan permohonan hak milik tanah daripada negeri. Fasal ke-18 menitikkan bahawa tanah adalah hak milik sultan atau raja yang mentadbir negeri sebagai wakil atau bayangan Allah SWT di bumi. Namun demikian, sesiapa sahaja dibenarkan meneroka dan mengerjakan tanah untuk ditanam dengan pelbagai jenis tanaman. Hak pemilikan tanah kekal selagi tanaman tersebut hidup subur dan tanah tersebut diusahakan tetapi sekiranya tanah tersebut ditinggalkan dan menjadi hutan belukar serta tanaman juga telah musnah, maka tanah ini akan kembali menjadi hak raja (Jelani et al. 2021, 86).

Satu lagi aspek yang penting dalam teks *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* ialah pihak yang meneroka dan mengusahakan tanah dibenarkan, bahkan digalakkan, untuk memohon surat khas yang dikenali “surat putus” bagi mengesahkan haknya sebagai pemilik tanah. Justeru, pihak lain tidak boleh menuntut tanah tersebut. Selain daripada menjamin hak berterusan pemilik tanah kepada tanah miliknya, surat putus ini juga adalah bagi membolehkan mereka menjual atau menyewakan tanah tersebut. Begitu juga sekiranya surat putus tidak dipohon, pemilikan atas tanah yang telah diteroka dan diusahakan hanya kekal selagi pemilik tanah tinggal dan mengusahakan tanah tersebut sahaja (Jelani et al. 2021, 88). Namun begitu, terdapat prosedur penting yang perlu dipatuhi dalam memperoleh surat putus iaitu pihak berkenaan perlulah terlebih dahulu menebas, menebang dan membersihkan tanah yang dijadikan tanah kampung, dusun, bendang atau huma. Setelah selesai, tanah yang diusahakan itu perlu disukat bagi ditentukan keluasan dan sempadan serta perlu menjelaskan sejumlah bayaran tertentu sebelum diberi surat putus. Perolehan surat putus ini mengukuhkan hak pemilikan pihak terlibat atas tanah yang dikerjakan mereka. Maka, pentadbiran negeri amat menggalakkan rakyat Kedah yang meneroka dan mengusahakan tanah di negeri tersebut untuk memohon surat putus bagi mengelakkan perebutan tanah yang telah diusahakan (Jelani et al. 2021, 88–89).



Fasal ke-18 juga menyatakan tatacara permohonan surat putus. Pertama sekali, pemohon perlu menjelaskan bayaran kepada hakim yang bertanggungjawab membuat surat putus. Bayaran tersebut adalah untuk harga kertas, dakwat dan tenaga yang disumbangkan hakim dalam mengeluarkan surat putus dan jumlah bayaran ialah seemas. Akan tetapi, jumlah bayaran yang dikenakan terhadap pengeluaran surat putus adalah berlainan (lebih besar jumlahnya) jika melepasi had keluasan tanah yang ditetapkan dengan bayaran seemas (namun sukatan dan jumlah keluasan tanah yang dikenakan bayaran seemas untuk pengeluaran surat putus oleh hakim ini tidak dinyatakan dan ditemui dalam mana-mana penulisan setakat yang dirujuk penulis). Seterusnya, bayaran seemas lagi dikenakan jika ingin mendapatkan cap Menteri. Surat putus yang dikeluarkan hakim dengan cap oleh menteri sahaja telah pun cukup untuk mengesahkan hak pemilikan atas tanah yang telah diusahakan. Namun begitu, tiada halangan dikenakan sekiranya pemilik tanah berkenaan ingin memohon cap *mamlakat* (kerajaan/negeri) daripada raja namun perlu menjelaskan empat emas lagi. Berbalik kepada hak pemilikan atas tanah yang diberikan surat putus, tanah terlibat boleh diwariskan kepada anak dan cucu pemiliknya atau dijual kepada pihak lain. Namun demikian, pihak yang membeli tanah tersebut perlulah memohon surat putus yang baharu untuk mengesahkan pertukaran hak pemilikan tanah. Bagi permohonan surat putus baharu ini, tiada bayaran tambahan dikenakan, sebaliknya pembeli hanya perlu menjelaskan bayaran kepada pemilik asal tanah sebanyak harga jualan tanah yang telah ditetapkan dalam fasal ke-18<sup>6</sup> serta bayaran peletakan batu sempadan. Contoh surat putus dapat dilihat dalam Rajah 2 dan 3. Rajah 2 merupakan salinan asal surat putus manakala Rajah 3 pula merupakan salinan surat putus yang telah dirumikan serta mengandungi keterangan penjualan tanah oleh pemilik asal kepada pemilik baharu.

Berdasarkan Rajah 2 dan 3, dapat dilihat bahawa selain daripada nama pemilik tanah (nama pemilik lama juga dimasukkan sekiranya tanah tersebut dibeli), jumlah keluasan tanah yang dimiliki serta kedudukan hak milik tanah turut dinyatakan dalam surat putus tersebut.




**Rajah 2.** Contoh surat putus tahun 1847  
 Sumber: Majalah PETAK, dipetik daripada Azman (2013, 358)

#### ***Fasal ke-24: Perintah sewa dan pajak bendang kampung atau dusun orang***

Ciri interaksi antara manusia dengan persekitaran mereka bagi memenuhi keperluan masing-masing dapat dilihat dalam fasal ke-24. Fasal ini membincangkan tentang sewa dan pajak bagi tanah bendang, kampung dan dusun. Isu penting yang dibincangkan dalam fasal ini adalah berkaitan pemilik tanah bendang yang menyewakan tanah bendang miliknya kepada pihak lain untuk menanam padi, namun hasil padi pada tahun semasa dan selepas itu pula tidak menjadi kerana masalah cuaca dan iklim, misalnya akibat kekurangan hujan. Seandainya situasi ini berlaku, penyewa hanya perlu menjelaskan bayaran sewa tanah bendang sebanyak semusim sahaja dan tidak boleh lebih daripada jumlah tersebut. Hal ini kerana penyewa tanah bendang tadi turut kerugian tenaga dan perbelanjaan mereka semasa mengusahakan tanah bendang tersebut. Justeru, interaksi manusia dengan

persekitaran masih berkisar kepada tujuan utama iaitu bagi memenuhi keperluan serta supaya semua pihak mendapat keuntungan yang setimpal daripada hasil usaha masing-masing. Hal ini supaya tiada pihak mengalami kerugian atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kerugian bagi kedua-dua belah pihak yang terlibat.



**Rajah 3.** Salinan surat putus tahun 1856 yang telah dirumikan  
*Sumber:* Majalah PETAK, dipetik daripada Azman (2013, 359)

### **Pergantungan dengan keadaan semula jadi bersesuaian dengan persekitaran**

#### ***Fasal ke-22: Menyatakan perintah orang berdusun***

Pergantungan terhadap keadaan semula jadi yang bersesuaian dengan persekitaran juga turut merupakan ciri ekonomi bersistem. Ciri ini pula terdapat dalam fasal ke-22 yang berlandaskan kepada anggapan rasional dan pemahaman tentang keperluan penggunaan sumber semula jadi. Misalnya, fasal ke-22 adalah berkaitan tanah dusun dan tanah kampung iaitu: (1) tatacara memelihara tanah dusun, (2) tanah dusun serta tanah kampung yang dijual dan dipajak kepada pihak lain dan (3) tanah dusun, tanah kampung dan tanah bendang yang telah ditinggalkan. Bagi perkara pertama, iaitu tatacara memelihara tanah dusun, pemilik tanah dusun diperintahkan supaya membuat pagar bagi memelihara tanah dusun miliknya

daripada dirosakkan oleh haiwan peliharaan seperti kerbau dan lembu. Fasal ke-22 juga menetapkan ciri-ciri khas tertentu tentang pagar yang perlu dibina. Sekiranya pemilik dusun telah membina pagar berdasarkan kepada ciri-ciri yang ditetapkan dalam fasal ini, tetapi kerbau atau lembu tetap lepas mencerooboh masuk ke tanah dusun berkenaan, maka tuan empunya kerbau atau lembu tersebut dikehendaki membayar kepada pemilik dusun sebanyak jumlah tanaman dan pagar yang telah dirosakkan binatang miliknya.

Perkara kedua adalah berkaitan tanah dusun yang telah dijual kepada pihak lain. Bagi tanah dusun, pemilik baharu perlulah mempersembahkan kepada raja tentang jumlah harga tanah yang dijual dan perlu juga memohon surat putus untuk membuktikan bahawa tanah itu telah bertukar tangan menjadi miliknya. Namun begitu, sekiranya setelah cukup tiga musim pemilik baharu memiliki tanah yang dibeli itu dan menikmati segala faedah daripada tanaman yang ada di tanah dusun yang dibelinya tetapi masih lagi tidak memohon surat putus, maka individu terlibat perlu menjelaskan sebahagian daripada jumlah keseluruhan hasil yang diterimanya untuk setiap musim tersebut kepada raja. Selagi belum mendapat surat putus, selagi itulah pemilik dusun baharu perlu menjelaskan harga sebahagian daripada hasil dusun yang diperolehnya. Bagi tanah dusun dan tanah kampung yang telah dipajak tetapi pemiliknya curi-curi mengambil hasil tanah dusun dan tanah kampung yang dipajak itu pula, ketua tempat tersebut boleh menangkap individu terbabit dan memintanya untuk berjanji bahawa beliau akan berpindah balik ke kampung dan dusunnya dalam sekian-sekian hari. Sekiranya individu terbabit gagal mematuhi janjinya untuk kembali semula ke kampung dan dusunnya, maka hak pemilikan atas dusun dan kampungnya itu akan terlucut serta kembali menjadi hak milik raja. Individu terlibat juga tidak dibenarkan untuk memohon tanah kampung dan tanah dusun itu daripada raja jika tanahnya itu telah diberi kepada pemohon lain. Begitu juga dengan mana-mana individu yang telah meninggalkan negeri, mereka tidak sama sekali dibenarkan untuk menjual mana-mana jenis tanah miliknya iaitu sama ada tanah kampung, tanah bendang ataupun tanah dusun. Bahkan, mana-mana pihak juga tidak dibenarkan untuk membeli tanah-tanah itu daripada individu yang telah meninggalkan negeri terbabit. Sekiranya terdapat pihak yang ingkar, raja boleh mengambil kembali tanah yang dibeli tersebut dan mengurniakan tanah berkenaan kepada pihak lain tanpa menggantikan kerugian mereka daripada urusan jual beli tanah terbabit kecuali seandainya individu yang ingin meninggalkan negeri itu meminta keizinan dan menyatakan sebab beliau ingin menjual tanahnya kepada raja dan mendapat perkenan raja, barulah beliau boleh menjual tanah miliknya itu.

Sekiranya pemilik dusun meninggalkan tanah miliknya dan tanah itu tidak diwariskan kepada mana-mana ahli keluarga atau mana-mana pihak dan telah melepasi tempoh enam musim, maka sesiapa sahaja boleh memohon untuk

membeli tanah dusun tersebut daripada raja dan sekiranya raja telah memperkenan tanah tersebut untuk dijual, maka pemiliknya tidak lagi boleh menuntut tanah tersebut. Sebaliknya, jika tanah dusun itu ditinggalkan belum mencapai tempoh enam musim, maka pemilik dusun ini masih boleh menuntut tanah dusun itu daripada raja. Seandainya mendapat kebenaran raja, pemilik dusun terbabit boleh memperoleh semula tanah berkenaan (Jelani et al. 2021, 104–105). Penetapan dalam fasal ke-22 ini bersesuaian dengan keadaan semasa itu ketika tanah merupakan sumber ekonomi dan usaha melalui undang-undang adat yang diambil untuk memastikan tanah yang diteroka terus diusahakan, memastikan keselamatan hasil tanaman selain turut menjamin hak pemilikan seseorang atas tanah tersebut.

### **Kepentingan sosial**

#### ***Fasal ke-18: Menyatakan perintah tanah***

Satu lagi aspek penting yang terkandung dalam fasal ke-18 yang mempunyai ciri dalam kerangka teori ekonomi bersistem tradisional mengikut Kuryshova dan Kuryshov (2019) ialah tatacara penerokaan tanah yang mementingkan aspek sosial yang melangkaui kepentingan individu, namun masih mementingkan hak seseorang individu tersebut. Buktinya, dalam fasal ke-18 ini juga, setiap individu dibenarkan untuk meneroka mana-mana tanah, namun terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi. Syarat tersebut ialah pihak terbabit tidak boleh memugar atau meneroka tanah yang terlalu hampir dengan tanah yang telah dipugar terlebih dahulu oleh pihak lain,<sup>7</sup> khususnya jika tanah belum ada pemilik yang ingin dipugar itu berada di tengah-tengah tanah yang telah dipugar. Dalam hal ini, individu yang ingin memugar tanah untuk dijadikan kampung, dusun atau bendang tersebut perlulah mendapatkan kebenaran daripada pihak yang telah terlebih dahulu memugar tanah. Hal ini kerana semasa kerja-kerja memugar tanah yang masih belum bertuan dilakukan, mereka perlu melalui tanah yang telah bertuan di sebelah kiri dan kanan tanah baharu tersebut. Sekiranya pihak terlibat tetap juga memugar tanah tanpa memperoleh keizinan daripada pemilik di kedua-dua belah tanah yang dipugarnya dan perkara itu diadukan kepada hakim, maka hakim boleh mengarahkan tanah yang baharu dipugar itu diberikan kepada pemilik tanah yang berada di kiri atau kanan tanah yang dipugarnya. Namun demikian, pemilik tanah yang berada di kiri dan kanan tanahnya itu perlulah menjelaskan sejumlah wang kepada pihak yang datang kemudian untuk memugar tanah bagi menggantikan penat lelahnya memugar tanah tersebut (Jelani et al. 2021, 91). Tindakan ini bertujuan untuk memastikan penat lelah individu yang memugar tanah tersebut tidak sia-sia dan masih menerima ganjaran titik peluhnya itu walaupun tanah dipugarnya tidak boleh menjadi miliknya kerana tidak mematuhi tatacara penerokaan tanah yang telah ditetapkan.

***Fasal ke-19: Menyatakan perintah bendang dan perintah orang berbandang***

Fasal ke-19 juga masih berkaitan tanah iaitu tatacara atau perintah bendang dan perintah orang berbandang juga turut menonjolkan kepentingan aspek sosial. Sebagai contoh, antara intipati penting fasal ke-19 adalah hukum berkaitan kerbau dan lembu iaitu menetapkan beberapa aspek yang perlu dipatuhi bagi memastikan tanah bendang dan hasilnya tidak dirosakkan oleh kerbau dan lembu. Aspek kerbau dan lembu ini diberi perhatian utama dalam fasal ke-19 kerana kerbau dan lembu adalah haiwan penting dalam mengerjakan tanah bendang misalnya untuk tujuan membajak. Walaupun kedua-dua haiwan ternakan ini penting untuk kegiatan penanaman padi sawah atau berbandang, pemilik perlulah menjaga haiwan peliharaan mereka dengan baik agar tidak mencerooboh tanah sawah atau bendang pihak lain dan seterusnya merosakkan tanaman yang diusahakan. Maka Fasal 19 menetapkan beberapa tatacara yang perlu dipatuhi berkaitan kerbau dan lembu. Misalnya, penduduk kampung perlu membina pagar untuk melindungi tapak semaian padi yang mereka usahakan. Selepas itu, semua kerbau dan lembu perlulah dibawa ke kawasan lain iaitu padang besar yang telah disediakan, kecuali bagi kerbau dan lembu yang akan digunakan dalam membantu kerja-kerja menanam padi. Sungguhpun demikian, kerbau dan lembu yang digunakan untuk membantu penanaman padi perlu juga ditambat supaya tidak merosakkan padi yang baru disemai di dalam kawasan pagar. Sekiranya terdapat mana-mana kerbau atau lembu merentasi pagar atau melompati pagar yang telah dibina dan merosakkan benih semaian di atas mana-mana tanah bendang, pemilik haiwan terlibat perlu menjelaskan bayaran sebanyak mana jumlah semaian yang telah musnah ataupun menggantikan semaian yang musnah dengan semaian miliknya sebanyak jumlah yang telah dimusnahkan oleh haiwan peliharaannya (kerbau atau lembu) itu.

Fasal ke-19 juga menetapkan mana-mana pemilik kerbau atau lembu yang membawa masuk haiwan berkenaan ke kawasan yang sebelum ini tidak berpagar dengan tiada seorang pun ada membela kerbau atau lembu dan kerbau atau lembu yang dibawa masuk tersebut merosakkan semaian pihak lain, maka pemiliknya dikenakan denda sepaha emas.<sup>8</sup> Selain itu, pemilik kerbau dan lembu juga perlu menggantikan semaian sebanyak jumlah yang telah dimusnahkan oleh haiwan peliharaannya itu. Hukuman yang berupa denda dan gantian semaian sebanyak yang musnah juga adalah berbeza sekiranya pemilik tanah bendang mencederakan kerbau atau lembu yang mencerooboh masuk ke tanah bendangnya (rujuk Jelani et al. [2021] untuk penjelasan lanjut). Secara tuntasnya, fasal ke-19 menetapkan bahawa bagi tanah bendang, iaitu semasa musim penanaman padi, sama ada semasa padi baru disemai atau padi telah pun menjadi pokok dan mengeluarkan hasil, pemilik haiwan peliharaan tidak boleh sama sekali membawa masuk haiwan peliharaan mereka ke kawasan bendang. Sekiranya peraturan tersebut tidak dipatuhi, denda

akan dikenakan dan kemungkinan juga pemilik haiwan terbabit akan kehilangan haiwan mereka kerana dibunuh oleh orang berbendang. Hal ini kerana tiada denda dikenakan terhadap pemilik tanah bendang jika haiwan peliharaan yang mencero boh kawasan penanaman padi ini dcederakan atau dibunuh (Jelani et al. 2021, 98).

***Fasal ke-20: Menyatakan perintah perselisihan orang berbendang***

Kepentingan aspek sosial juga diperkukuh melalui peruntukan fasal ke-20 *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* yang masih lagi berkaitan dengan tanah bendang iaitu tentang perselisihan atau pertikaian hak milik tanah bendang. Tidak dinafikan bahawa pengurniaan surat putus adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya pertikaian antara pemilik-pemilik tanah termasuklah tanah bendang. Namun demikian, pertikaian masih juga boleh berlaku. Terdapat tiga bentuk pertikaian yang dibincangkan dalam fasal ke-20 iaitu pertikaian sempadan antara dua pemilik tanah berlainan, pewarisan tanah bendang pusaka dan penjualan tanah yang bukan hak miliknya (Jelani et al. 2021, 101–103). Misalnya, pertikaian di bahagian sempadan antara dua pemilik tanah berlainan boleh berlaku akibat ketidakpastian tentang pemilik sebenar tanah-tanah yang berada di sempadan tersebut. Bagi kes sedemikian, jika berlaku pertelingkahan dan terdapat pihak membuat aduan kepada hakim, maka hakim akan mengarahkan ketua di kawasan terlibat untuk menuai padi yang telah masak di kawasan yang menjadi pertikaian. Selepas itu, kedua-dua pihak iaitu orang yang mengadu dan orang yang diadu akan dipanggil untuk mendapatkan keterangan mereka. Keterangan yang diperoleh daripada kedua-dua pihak ini akan disampaikan kepada kadi dan alim ulama bagi menentukan bentuk hukuman berkaitan masalah yang berlaku. Hukuman yang dijatuhkan oleh kadi dan alim ulama ini walau bagaimanapun perlu bersesuaian dengan hukum adat negeri.

Seterusnya, perselisihan yang timbul dimaklumkan pula kepada bendahara dan bendahara akan menyelesaikannya dengan persetujuan raja. Maka, satu surat ketetapan atau surat dakwaan yang tercatat jumlah keluasan tanah yang pengadu dakwa sebagai tanah miliknya tetapi tanah itu telah diusahakan oleh orang yang diadu akan disediakan. Surat ini akan diserahkan kepada orang yang diadu dan orang yang diadu juga perlu memelihara dengan baik tanaman padi yang diusahakan di atas tanah yang menjadi pertikaian tersebut. Setelah padi masak dan tiba musim menuai, hasil tuaian padi di atas tanah tersebut menjadi hak milik raja kerana dianggap tidak bertuan. Begitu jugalah halnya dengan segala yang berada di atas tanah tersebut. Hal ini demikian kerana tanah itu masih belum ditentukan siapa pemilik sebenarnya dan masih dalam siasatan. Setelah ditimbang tara segala perkara dan diampun kurnia oleh raja tentang pemilik sebenar tanah

yang dipertikaikan itu, tanah terlibat akan menjadi hak milik pihak yang diampun kurnia. Seandainya pengadu merupakan pihak yang diampun kurnia, maka tanah bendang itu akan menjadi hak miliknya. Pihak yang diadu juga perlu menjelaskan sewa tanah bendang yang telah diusahakan kerana telah mengusahakan tanah milik orang lain. Bayaran sewa yang perlu dibayar adalah dua kupang serelung bagi setahun. Bagi tempoh yang melebihi tiga tahun, jumlah sewa maksimum yang perlu dibayar adalah selama tiga tahun sahaja. Sebaliknya jika kes aduan ini berpihak kepada pihak yang diadu, beliau juga turut menerima ampun kurnia dari raja dan tanah berkenaan akan menjadi hak miliknya. Pengadu perlu menjelaskan harga padi sebanyak yang telah dituai dan dijadikan hak milik raja kerana pengadu telah menyebabkan kerugian kepada orang yang diadu. Perundangan yang sama juga terpakai sekiranya pertelingkahan tanah bendang melibatkan pembahagian harta pusaka dan sedikit berbeza jika pertikaian dan pengaduan adalah melibatkan tanah yang dijual kepada pihak lain kerana melibatkan pihak ketiga (Jelani et al. 2021, 101–103).

Fasal ke-20 kelihatan bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian yang mungkin timbul daripada beberapa kekurangan pengurniaan surat putus. Misalnya, isu sempadan sukar ditentukan kerana peta tidak disediakan dalam pengurniaan surat putus dan sempadan juga hanya ditentukan mengikut kedudukan pemilik tanah dengan pemilik tanah yang lain seperti dalam Rajah 2 (dipetik daripada Azman 2013). Maka, pertikaian sempadan boleh berlaku dan atas faktor inilah, fasal ke-20 *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* menetapkan hukum yang menyentuh tentang perselisihan berkaitan tanah bendang. Tujuan ketetapan tersebut adalah untuk memastikan aspek ekonomi utama rakyat Kedah iaitu kegiatan penanaman padi berjalan lancar dengan panduan penyelesaian kepada pertikaian-pertikaian yang mungkin timbul telah disediakan supaya perselisihan yang berlaku tidak berlarutan.

Aspek lain berkaitan tanah bendang adalah dalam situasi pihak yang menyewa tanah bendang ditimpa keuzuran dan proses penanaman padi masih belum dimulakan. Dalam situasi ini, penyewa yang uzur terbabit boleh meminta individu lain mengusahakan tanah tersebut bagi pihaknya. Hasil padi pula akan menjadi hak milik individu yang mengerjakan tanah bendang bagi pihaknya. Namun begitu, penyewa tanah bendang masih boleh menuntut wang sewa yang telah dibayar kepada tuan tanah tersebut daripada pihak yang bersetuju untuk meneruskan kerja-kerja penanaman padi. Sekiranya penyewa tanah bendang mengalami keuzuran setelah memulakan kerja-kerja penanaman padi lalu tidak mampu meneruskan usahanya itu dan terdapat individu lain bersetuju untuk meneruskan kerja-kerja penanaman padi tersebut, maka hasil padi perlu dibahagi tiga. Dua bahagian menjadi hak penyewa dan sebahagian lagi menjadi hak individu yang meneruskan kerja-kerja penanaman yang tidak dapat diselesaikannya itu.



Perkara seterusnya adalah berkenaan pajak tanah kampung. Pajak merupakan satu perjanjian antara pemilik tanah kampung dengan pihak lain, iaitu pemilik tanah kampung bersetuju menyerahkan segala hasil yang ada di atas tanah miliknya kepada pihak yang memajak tanahnya. Perjanjian ini mempunyai tempoh matang dengan bayaran tertentu seperti yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Misalnya, sekiranya tempoh pajak yang dipersetujui antara pemilik tanah kampung dengan pihak yang memajak tanahnya ialah setahun dengan bayaran emas, maka tempoh pajak itu hanyalah setahun sahaja, tidak boleh lebih atau kurang. Dalam tempoh setahun ini, pihak yang memajak tanah perlu menjaga tanah kampung yang dipajaknya serta boleh mengambil segala hasil dari tanah tersebut. Namun setelah hampir tempoh akhir pajak, pemajak hanya boleh mengambil buah-buahan yang telah masak sahaja. Buah-buahan lain yang belum masak pula tidak dibenarkan untuk diambil kerana dianggap bukan lagi miliknya. Seandainya pemajak tetap berdegil dan mengambil buah-buahan yang belum masak seperti buah pinang dan kelapa, maka pemajak tadi perlu menjelaskan bayaran buah yang diambilnya itu. Jumlah bayaran yang perlu dijelaskan mengikut bayaran buah yang masak. Pihak yang memberi pajak tanah kampung pula tidak boleh mengambil semula tanah kampungnya selagi tempoh perjanjian pajak bagi tanah tersebut belum tamat seperti yang telah dipersetujui pada awal perjanjian. Bahkan, pemilik tanah kampung yang memberi pajak juga perlulah memberi peringatan kepada pihak yang memajak tanahnya bahawa tempoh perjanjian pajak hampir berakhir dan beliau ingin mengambil semula tanah kampungnya atau tanah dusunnya.

Namun demikian, sekiranya pihak yang memajak tanah tidak membayar sewa pajak seperti yang telah dipersetujui maka pemilik tanah kampung atau tanah dusun dibenarkan untuk mengambil semula tanahnya. Sungguhpun demikian, terdapat pertimbangan tertentu bagi pihak yang tidak membayar pajak iaitu mana-mana pihak yang tidak dapat membayar pajak kerana tanah yang dipajaknya masih belum mengeluarkan hasil, misalnya tanah bendang masih belum boleh dituai dan tanah dusun masih belum berbuah, maka pemilik tanah kampung atau tanah dusun tidak dibenarkan mengambil tanah tersebut. Sebaliknya, pemilik tanah kampung atau tanah dusun perlu menunggu sehingga tanah-tanah itu mengeluarkan hasil terlebih dahulu supaya pihak yang diberi pajak boleh menjelaskan bayaran pajak seperti yang dipersetujui (Jelani et al. 2021, 114–117). Perincian dalam fasal ke-24 ini jelas sekali bertujuan untuk mengelakkan kerugian bagi pihak yang memberi pajak dan pihak yang memajak serta masing-masing memperoleh keuntungan ekonomi daripada perjanjian yang dipersetujui.

***Fasal ke-25: Menyatakan perintah orang berjual bendang atau kampung atau dusun***

Fasal berikutnya yang berkait dengan tanah dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* ialah fasal ke-25 iaitu berkaitan jual beli tanah. Fasal ke-25 menetapkan bahawa mana-mana bidang tanah yang dijual perlu disertai dengan surat putus. Beberapa orang saksi juga perlu dibawa berjumpa hakim bagi mengukuhkan lagi dakwaan bahawa tanah yang dijual itu sememangnya hak milik penjual. Sekiranya syarat penjualan tanah dipatuhi namun timbul aduan yang dibuat kepada hakim bahawa tanah itu sebenarnya bukanlah hak milik penjual, pembeli tanah tidak akan disalahkan dan tidak dijatuhi hukuman kerana urusan jual beli tanah dibuat dengan cukup syaratnya. Sebaliknya, penjual tanahlah yang akan dijatuhi hukuman dan dikenakan denda sekiranya terbukti bahawa tanah yang dijual itu bukan miliknya. Namun dalam proses untuk menentukan pihak yang benar, pengadu yang membuat dakwaan juga perlu membawa saksi untuk mengesahkan dakwaannya. Hakim kemudiannya akan menentukan pihak mana yang benar. Dalam hal ini, seandainya dakwaan yang dibuat pengadu diperakui benar oleh hakim, penjual tersebut perlu mengembalikan semua wang pembeli terbabit. Penjual itu juga perlulah membayar semula belanja yang dikeluarkan oleh pembeli tanah jika pembeli telah pun mengusahakan tanah tersebut. Selain itu, denda sebanyak lima tahlil<sup>9</sup> sepaha akan dikenakan kepada penjual dan individu-individu yang menjadi saksi jual beli tersebut kerana didapati melakukan penipuan dalam urusan jual beli tanah. Berbalik kepada jumlah denda yang dikenakan, separuh perlu dibayar oleh penjual dan separuh lagi oleh saksinya manakala sekiranya si pengadu didakwa sebagai bersalah dan dianggap menipu kerana tanah yang dijual itu sememangnya sah milik penjual, maka beliau perlulah membayar kerugian yang dihadapi oleh penjual (mungkin yang dimaksudkan di sini ialah jumlah wang belian tanah yang perlu diserahkan semula oleh penjual tadi kepada pembeli semasa proses siasatan sedang dijalankan). Denda lima tahlil sepaha juga akan dikenakan terhadap beliau dan saksi-saksi bagi pihaknya.

Selain itu, fasal ke-25 juga membincangkan urusan jual beli tanah yang melibatkan adik-beradik atas tanah pusaka atau warisan. Misalnya, urusan berkenaan tanah pusaka yang dibahagi secara rama rata antara pemilik-pemilik yang mewarisinya (adik-beradik). Seandainya salah satu pihak ingin menjual bahagiannya tetapi satu pihak lagi enggan melakukan hal tersebut, maka urusan jual beli itu tidak sah dan pihak yang menjual tadi perlu memberi semula semua wang yang diambilnya daripada pembeli terbabit sekalipun pembelian itu telah diluluskan serta dikurniakan surat putus. Penjualan itu dianggap tidak sah kerana sebelah pihak lagi tidak bersetuju untuk menjual tanah pusaka tersebut (Jelani et al. 2021, 117–120). Ringkasnya, fasal ke-25 *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* membincangkan pertikaian-

pertikaian yang timbul berkaitan urusan jual beli tanah dan penyelesaian yang bakal diambil. Secara tuntasnya, fasal ke-25 adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penipuan dalam penjualan tanah ataupun penjualan tanah pusaka yang tidak dipersetujui oleh semua waris untuk memastikan tiada pihak yang menipu dan menyebabkan pihak yang terlibat mengalami kerugian. Maka, selain daripada surat putus, saksi juga penting dalam urusan jual beli tanah untuk mengelakkan mana-mana pihak mengambil kesempatan mendapatkan keuntungan dengan cara mudah dan sekali gus, risiko penipuan dalam jual beli tanah dapat dikurangkan.

Ringkasnya, fasal-fasal yang dibincangkan dalam ciri ketiga kerangka teori ekonomi bersistem oleh Kurysova dan Kuryshov (2019) ini menonjolkan tiga aspek penting. Aspek pertama ialah kepentingan hubungan sosial dalam kalangan masyarakat melalui tatacara penerokaan tanah yang wajib dipatuhi bagi memastikan tanah dan tanaman pihak lain tidak terjejas. Aspek kedua pula ialah pengiktirafan hak seseorang individu atas tanah miliknya manakala aspek ketiga ialah kepentingan tanah sebagai elemen penting pengeluaran berdasarkan kepada hak pemilikan tanah yang dikukuhkan oleh dokumen tertentu dengan tujuan menggalakkan perkembangan aktiviti pertanian apabila rakyat diberikan hak atas tanah yang dikerjakan.

### **Tradisi ekologi (rasional kepada keperluan penggunaan sumber semula jadi)**

#### ***Fasal ke-21: Menyatakan perintah orang berbuat huma***

Ciri berikutnya yang menunjukkan wujudnya amalan ekonomi bersistem adalah fasal ke-21 yang berkaitan dengan tatacara penerokaan tanah untuk dibuat huma yang rasional dengan persekitaran dan sumber semula jadi. Sebagai contoh, amalan berhuma bermaksud kaedah ladang atau pertanian pindah yang dijalankan di kawasan pedalaman termasuklah di lereng-lereng bukit yang rendah. Pertanian tetap tidak sesuai dijalankan di kawasan ini kerana tidak mempunyai kemudahan pengairan yang baik dan lazimnya penanaman kaedah huma ini dilaksanakan untuk semusim sahaja (Lim 1977, 37). Menurut fasal ke-21, bagi tanah yang ingin dibuat huma, pihak yang terlibat perlulah menyelidik terlebih dahulu tanah tersebut sama ada sudah ditinggalkan selama lebih daripada tiga tahun. Setelah dipastikan bahawa tanah tersebut telah diusahakan selama lebih tiga tahun (tempoh masa yang ditetapkan untuk hak milik tanah huma) maka pihak lain yang ingin mengusahakan tanah tersebut boleh berbuat demikian. Walaupun tempoh masa hak milik tanah huma ditetapkan selama tiga tahun, kelonggaran tempoh pemilikan selama setahun lagi akan diberikan kepada pengusaha huma yang belum dapat menuai hasil tanamannya. Hal ini ditandakan dengan tanaman yang masih belum

cukup subur dan matang untuk mengeluarkan hasil serta rumput-rumput yang ada. Tujuan syarat sedemikian adalah bagi memberi peluang pengusaha tanah huma tersebut menerima hasil tanaman terlebih dahulu. Walaupun begitu, sesudah tamat tempoh empat tahun namun tanah huma itu masih tidak mengeluarkan hasil, maka pihak lain boleh mengusahakan tanah tersebut (Jelani et al. 2021, 103).

Dalam proses mengusahakan tanah huma juga, pihak yang berhasrat untuk mengerjakan tanah terbabit perlu memastikan bahawa belukar yang ada bukanlah untuk tujuan pembersihan tanah. Hal ini kerana dalam proses berbuat huma, pembakaran belukar dilakukan bagi menjadikan tanah yang bakal diusahakan itu subur ekoran abu yang terhasil daripada pembakaran belukar. Bagi proses ini, peneroka asal mempunyai hak milik atas tanah huma untuk tempoh empat tahun. Pihak lain yang tidak berkaitan tidak dibenarkan untuk membakar kayu-kayan tersebut dan menjadikan tanah huma itu sebagai miliknya. Sekiranya terdapat mana-mana pihak ingkar dan tetap mengusahakan tanah tersebut lalu peneroka asal mengadukan hal ini kepada hakim, maka hakim akan mengembalikan tanah berkenaan kepada peneroka asal. Seandainya terdapat sebarang tanaman, maka tanaman itu akan menjadi milik peneroka asal. Pihak yang telah ingkar juga tidak boleh merosakkan atau membakar tanaman yang ada. Jika pihak berkenaan tetap ingkar dan merosakkan tanaman yang diusahakannya, pihak tersebut akan dikenakan denda sepuluh emas bagi setiap bidang tanah huma yang dimusnahkan tanamannya itu (Jelani et al. 2021). Fasal ke-21 juga membuktikan bahawa masyarakat Melayu mempunyai kaedah mereka yang tersendiri dalam memastikan tanah yang bakal diusahakan itu subur untuk kegiatan berhuma iaitu melalui proses pembakaran belukar dan kayu-kayan yang dikumpulkan di atas tanah yang ingin dijadikan huma. Dengan kekangan teknologi yang ada, cara yang paling mudah digunakan bagi memastikan kesuburan tanah yang bakal diusahakan dan memastikan kemenjadian hasil tanaman.

Tatacara lain bagi penerokaan tanah huma ialah peneroka yang ingin membakar kayu-kayan dan belukar di atas tanahnya perlu memaklumkan kepada pemilik tanah huma yang ada di sekeliling tanahnya agar pemilik tanah huma yang telah pun memulakan proses penanaman dapat bersedia dan mengelakkan tanamannya dan hasil belukarnya daripada musnah ekoran pembakaran yang bakal dilakukan. Sekiranya peneroka tanah huma membakar kayu-kayan dan belukar di atas tanahnya tanpa memaklumkan pemilik tanah huma di sekeliling kawasan tanah berkenaan lalu mengakibatkan tanaman huma serta hasil tebasan pihak yang terlibat turut terbakar, peneroka terbabit perlu menjelaskan bayaran sebanyak jumlah tanaman yang musnah kepada pemilik tanah huma yang terlibat. Bagi hasil tebasan yang turut terbakar pula, peneroka baharu terbabit perlu membantu mengumpul kayu-kayan dan daun-daun kering supaya pemilik terbabit dapat membakar hasil kayu-kayan

tersebut untuk membersihkan dan menghasilkan abu baja untuk tanahnya. Selain itu, pembakaran yang dilakukan juga tidak boleh merosakkan pagar yang dibina oleh pemilik tanah huma yang lain. Seandainya peraturan tersebut tidak dipatuhi dan pembakaran yang dilakukan telah merosakkan pagar pemilik tanah huma lain sehingga kerbau atau lembu serta binatang-bintang yang lain boleh menceroboh masuk dan merosakkan tanaman pihak berkenaan, maka pihak yang telah memulakan pembakaran tadi perlu mengganti semula tanaman sebanyak yang telah dimusnahkan oleh haiwan terbabit. Ringkasnya, fasal ke-21 menetapkan bahawa sekiranya pembakaran yang dilakukan mendatangkan kerugian kepada mana-mana pihak maka pihak terlibat perlu menggantikan semula kerugian mengikut apa-apa yang telah musnah (Jelani et al. 2021, 103–104). Justeru, penetapan fasal ke-21 yang berkaitan dengan tatacara dan amalan ekonomi mengikut keadaan persekitaran ini berkait secara langsung dengan ciri tradisi ekologi (rasional kepada kepenggunaan sumber semula jadi) seperti yang dinyatakan dalam kerangka teori ekonomi bersistem oleh Kuryshova dan Kuryshov (2019).

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, fasal-fasal berkaitan tanah yang dibincangkan dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* ini memberi gambaran bahawa amalan ekonomi yang bersistem dalam kalangan orang Melayu telah wujud sebelum campur tangan British. Sebagai bukti, peruntukan-peruntukan berkaitan tanah yang terdapat dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* selari dengan ciri-ciri amalan ekonomi bersistem mengikut kerangka teori ekonomi bersistem tradisional yang dianjurkan Kuryshova dan Kuryshov (2019). Misalnya, perincian fasal-fasal berkaitan tanah dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* menunjukkan adanya ciri-ciri utama amalan ekonomi yang bersistem yang dianjurkan Kuryshova dan Kuryshov (2019) iaitu (1) interaksi manusia dengan persekitaran bagi memenuhi keperluan, (2) pergantungan dengan keadaan semula jadi yang bersesuaian dengan persekitaran, (3) kepentingan sosial namun tidak pula mengabaikan hak-hak individu dan (4) tradisi ekologi (rasional kepada keperluan penggunaan sumber semula jadi).

Peruntukan dan perbincangan panjang lebar berkenaan fasal-fasal berkaitan tanah dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* turut menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sebelum campur tangan British telah menyedari kepentingan tanah yang merupakan elemen utama dan penting dalam ekonomi lantaran kegiatan utama mereka berasaskan pertanian. Maka, fasal-fasal berkaitan tanah bertindak sebagai elemen kawalan kepada tanah melalui perhatian khusus yang diberikan terhadap pemilikan dan pengurusan tanah agar dapat menjamin hak serta keselamatan dalam pemilikan tanah. Fasal-fasal yang ada juga bertujuan untuk menjamin hasil

titik peluh masyarakat Kedah dalam aktiviti pertanian tidak sewenang-wenangnya diambil oleh pihak lain kerana hak pemilikan tanah yang kabur akan turut mempengaruhi hak milik hasil tanaman. Justeru, fasal-fasal yang ada digubal bagi memastikan keselamatan hasil tanaman selain bertujuan memastikan tanah terus diusahakan oleh pemilik asalnya. Maka, jelaslah bahawa elemen-elemen yang ada dan dititikberatkan dalam fasal-fasal berkaitan tanah membuktikan bahawa masyarakat Melayu telah pun mempunyai sistem mereka yang tersendiri dalam aspek ekonomi. Hal ini jugalah yang membantu Kedah muncul sebagai sebuah negeri pengeksport padi yang utama dan penting di negeri-negeri Melayu.

### Nota

1. Fasal yang mempunyai perbincangan paling panjang ialah Fasal 40 (*Fasal Surat Kiriman Puji-Pujian Surat*) iaitu sebanyak 21 muka surat (rujuk Jelani et al. 2021, 8–10).
2. Terdapat seorang lagi sarjana tempatan yang membincangkan aspek pemilikan tanah masyarakat Melayu selain di Kedah sebelum campur tangan British iaitu Nik Haslinda (2011). Nik Haslinda (2011) menumpukan perbincangannya kepada zaman pentadbiran kolonial di Kelantan iaitu berkaitan permasalahan yang timbul kesan daripada pembaharuan pentadbiran tanah kolonial. Perbincangan beliau juga turut menyentuh aspek pemilikan tanah masyarakat Melayu sebelum campur tangan British dalam pentadbiran di Kelantan iaitu sebanyak satu bab. Namun demikian, sumber-sumber yang digunakan adalah dari rekod-rekod kolonial.
3. Azman (2013) menghujahkan bahawa berlaku perubahan dalam asas ekonomi utama negeri Kedah iaitu daripada kegiatan perdagangan kepada pertanian. Pertapakan British di Pulau Pinang selepas separuh masa kedua kurun ke-18 turut mempengaruhi aspek ekonomi Kedah. Misalnya, kepesatan penduduk Pulau Pinang di bawah pentadbiran British telah meningkatkan permintaan beras dari Kedah dan sekali gus mendorong perkembangan kegiatan penanaman padi di negeri tersebut. Zaharah (1966) pula menghujahkan bahawa pertambahan populasi penduduk dan keadaan aman yang dicapai oleh Kedah telah mendorong kepada perkembangan sistem pentadbiran tanah di Kedah. Setelah itu, di bawah pentadbiran Sultan Muhammad Jiwa Muazzam Syah, terdapat perubahan dilakukan kepada pentadbiran tanah iaitu baginda bersikap liberal kepada hak pemilikan tanah oleh rakyat. Di bawah pentadbiran baginda jugalah, dokumen yang mengesahkan hak pemilikan tanah iaitu surat putus diperkenalkan (Zaharah 1966; Azman 2013).
4. Sebenarnya, pertanian masih menjadi nadi utama ekonomi Malaysia yang sistem ekonominya adalah berasaskan kepada kegiatan perdagangan import dan eksport. Sekalipun penjanaan utama ekonomi negara telah beralih kepada pembuatan dan perkhidmatan, pertanian masih diberi perhatian penting. Pertanian juga bukan hanya untuk tujuan eksport, seperti tanaman kelapa sawit dan getah, tetapi perhatian juga turut diberikan kepada tanaman makanan untuk keperluan

domestik agar pergantungan kepada import bekal makanan dapat dikurangkan. Bahkan, pembangunan sektor pertanian dipercayai dapat membangunkan kawasan pedalaman dan luar bandar yang seterusnya dapat membantu membasmi kemiskinan masyarakat (Farah, Zaimah dan Mohd Noor 2012; Romzi et al. 2021).

5. Walaupun terdiri daripada 40 fasal, perbincangan setiap fasal adalah terperinci. Hal ini berbeza dengan *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* dan *Undang-Undang Minangkabau* yang mempunyai lebih banyak fasal. *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* misalnya mempunyai 99 fasal (Wilkinson 1929) manakala *Undang-Undang Minangkabau* pula mempunyai 132 fasal keseluruhannya (Winstedt 1953). Namun begitu, fasal-fasal ini tidak dibincangkan secara panjang lebar seperti fasal-fasal yang terkandung dalam *Undang-Undang Adat Negeri Kedah*.
6. Harga jualan bagi tanah yang telah diberikan surat putus juga dinyatakan dalam fasal ke-18 iaitu enam emas bagi serelung tanah yang berada di ibu negeri, empat emas bagi serelung tanah kampung dan bendang yang berada hampir dengan ibu negeri, dua emas bagi serelung tanah kampung dan bendang yang berada jauh dari ibu negeri iaitu separuh hari jarak perjalanan dari ibu negeri, serta bagi tanah yang jaraknya sehari perjalanan dari ibu negeri pula, harganya adalah seemas serelung tanah. Tanah yang berada di pinggir ibu negeri iaitu tanah hutan padang, harganya ialah dua kupang serelung (Jelani et al. 2021, 88–89).
7. Hal yang sama turut dijumpai dalam teks *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* iaitu fasal ke-43 “Undang-undang orang membuka tanah dan ayer, apa hukum-nya” (Wilkinson 1929, 72) dan bab keempat *Majalah Ahkam Johor* iaitu “*Syarikah Ibahah*” di bawah Fasal 5 Perkara 1270 “Menghidupkan bumi yang mati” (Abd Jalil 2002, 320). Kewujudan fasal ini menjelaskan bahawa sesiapa sahaja diberi kebenaran untuk meneroka dan mengusahakan tanah yang belum diusahakan. Namun demikian, peneroka atau pengusaha tanah perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan untuk mengelakkan berlakunya kerugian kepada pihak lain.
8. Sepaha emas =  $\frac{1}{4}$  tahlil = 4 mayam = 53.9 gram. Justeru, sepaha emas bersamaan  $\frac{1}{4} \times 53.9 = 13.475$  tahlil emas (Abdul Razak 2011, 103).
9. Sepaha bermaksud seperempat tahlil. Maka, lima tahlil sepaha bermaksud  $5\frac{1}{4}$  tahlil. Jika timbangan ini merujuk kepada emas, maka jumlah denda yang dikenakan terhadap saksi yang terlibat adalah berjumlah 84 mayam emas atau 282.975 gram emas. Sekiranya dilihat kepada jumlah berat emas yang dikenakan sebagai denda, perbuatan aduan palsu dan menjadi saksi palsu berkaitan hak milik tanah adalah kesalahan yang amat berat.

## Rujukan

- Abd Jalil. 2002. *Majalah Ahkam Johor, kod undang-undang sivil Islam kerajaan negeri Johor 1331 H/1913 M*. Johor, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Razak Salleh. 2011. Malay mathematics based on Terengganu Inscription. *Proceedings of the Annual International Conference Syiah Kuala University: Life Sciences and Engineering Chapter 1(2)*: 99–111.
- Azman Isa. 2013. Perkembangan undang-undang dan pentadbiran tanah di Kedah, 1667–1965. PhD diss., Universiti Sains Malaysia.
- Farah Fardillah Ariff, Zaimah Darawi and Mohd Noor Mamat. 2012. Hubungan antara industri bagi sektor pertanian di Malaysia. *Prosiding PERKEM 1*: 269–276.
- Hooker, M.B. 1972. *Adat laws in modern Malaya: Land tenure, traditional government and religion*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Jelani Harun, Mahani Musa, Idris Mansor and ‘Aisyah Kamaruddin. 2021. *Undang-Undang Adat Negeri Kedah abad ke-19 milik Ku Din Ku Meh*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jomo, K.S. 1988. *Pembangunan ekonomi dan kelas sosial di Semenanjung Malaysia*. Translated by Shamsul Bahriah Ku Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuryshova, I.V. and Kuryshov, A.M. 2019. Transformation of ecological traditions in the context of the evolution of the traditional economy system. In *Proceedings of the international conference on “Humanities and social sciences: Novations, problems, prospects” (HSSNPP)*, 885–859. Vol. 333. Dordrecht: Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/hssnpp-19.2019.164>
- Lim, T.G. 1977. *Peasant and their agricultural economy in Colonial Malaya, 1874–1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- \_\_\_\_\_. 1976. *Origins of a colonial economy: Land and agriculture in Perak 1874–1897*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mahani Musa. 2005. *Sejarah dan sosioekonomi wanita Melayu Kedah 1881–1940*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mamedov, O., Movchan, I., Ishchenko-Padukova, O. and Grabowska, M. 2016. Traditional economy: Innovation, efficiency and globalization. *Economics and Sociology* 9(2): 61–72. <https://doi.org/10.14254/2071-789X.2016/9-2/4>
- Maxwell, W.E. 1884. The law and customs of the Malays with reference to the tenure of land. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 13: 75–220.
- Nik Haslinda Nik Hussain. 2011. *Pentadbiran kolonial dan isu pemilikan tanah di Kelantan 1881–1941*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, Irma Wani Othman, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin and Sharifah Darmia Sharif Adam. 2021. Menyingkap usaha pembasmian kemiskinan melalui sektor pertanian di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication* 23(6): 186–199. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.6230013>
- Wilkinson, R.J. 1929. Law part II, the ninety-nine laws of Perak. In *Papers on Malay subject*, ed. J. Rigby, 57–88. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press.



- Winstedt, R. 1953. An old Minangkabau legal digest from Perak. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 26(1[161]): 1–13.
- Wong, D.S.Y. 1975. *Tenure and land dealings in the Malay states*. Singapore: Singapore University Press.
- Zaharah Haji Mahmud. 1966. Change in a Malay sultanate: A historical geography of Kedah before 1939. MA diss., Universiti Malaya.